

SIAPA kata Minggu Penulis Remaja (MPR) tidak relevan? Bagai menempelak dan menjawab kritikan sinis yang dilemparkan, MPR 2012, tampil dengan kelainan dari sudut pengisian dan inti program yang lebih segar.

Tradisi pencarian penulis berpotensi bermula 1985 itu diteruskan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di bawah kendalian Bahagian Pembinaan Bakat dan Kepakaran dan kali ini berjaya menampilkan 24 wajah baru penulis pelapis berusia 17 hingga 21 tahun.

Program yang melahirkan nama besar dalam kalangan penulis muda seperti Ahmad Patria Abdullah, Faisal Tehrani dan Rahimidin Zahari, kali ini cenderahati dan kelengkapan untuk perkampungan penulis selama enam hari itu mendapat tajaan Public Bank dan Bank Rakyat.

Malah, pelbagai perubahan dilaksanakan pada MPR 2012 menunjukkan kesungguhan DBP dalam memastikan MPR terus subur dan tidak dilabelkan sebagai program yang membazir dan tidak lagi relevan.

Pengarah Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera DBP, Sallehudin Abang Shokeran berkata, MPR adalah program pembinaan kepakaran yang bukan saja memupuk bakat remaja dalam bidang penulisan, malahan menerapkan sastera sebagai wadah pembentukan insan bersih dan kental jati diri.

"Penubuhan Kelab Alumni MPR 2012 yang berjaya mengumpulkan mantan peserta MPR turut membantu memberi sokongan moral dan cadangan bernalas, malahan setiap tahun DBP turut menjemput mereka yang serius berkarya menjadi fasilitator," katanya ketika merasmikan MPR 2012 yang diadakan selama enam hari mulai 10 hingga 15 Mac lalu di Port Dickson, baru-baru ini.

Antara pengisian baru yang

PESERTA Minggu Penulis Remaja 2012 bergambar kenangan dengan fasilitator dan pegawai DBP.

MINGGU PENULIS REMAJA

MPR

PENJANA KREATIF REMAJA
BAHAGIAN PEMBINAAN
BAKAT DAN KEPAKARAN
JABATAN PENGEMBANGAN
BAHASA DAN SASTERA

10 - 15 MAC 2012



Gilap bakat remaja

Minggu Penulis Remaja 2012 lestari wibawa program

dilihat membantu calon penulis pelapis ialah Sesi Bersama Tokoh yang pernah menampilkan Penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA) 2010, Zaen Kasturi dan Sasterawan Negara (SN) Ke-10, Datuk Dr Anwar Ridhwan.

Fasilitator MPR 2012 yang bertanggungjawab terhadap pengajaran puisi, Muhammad Lufti Ishak yang juga mantan MPR 2000 berkata, langkah DBP menjemput tetamu berwibawa dalam MPR kali ini memberi peluang kepada

peserta muda mengenali tokoh sastera berwibawa.

"Mereka bukan saja boleh mendapat petua dan nasihat berkarya daripada tokoh yang diketengahkan DBP, tetapi juga boleh menjadikan karya tokoh terbabit sebagai inspirasi dalam menghasilkan karya bermutu."

"Program MPR kali ini menjadi lebih menarik jika DBP menjemput penggiat seni serba boleh daripada pelbagai bidang termasuk dunia hiburan dan perfileman seperti

Sabri Yunus dan Ramli Sarip bagi memperlihatkan penulisan dalam perspektif yang lebih besar," katanya.

Novelis berpengalaman yang juga fasilitator MPR 2012, Salina Ibrahim menyifatkan program itu sewajarnya diteruskan bagi membuka mata remaja terhadap dunia kesusastraan Melayu daripada dibelenggu karya sastera jadian dan ringan yang semakin membelenggu sastera tanah air.

"Saya sering mengingatkan pe-

serta MPR bahawa cabaran sebenar yang perlu dihadapi adalah selepas keluar dari program ini. Sastera tempatan sebenarnya tidak mempunyai program yang menjurus kepada penulisan sastera, melainkan MPR.

"Hasrat kami adalah untuk memperkenalkan asas kesusastraan Melayu yang dilihat begitu tumpul dalam kalangan penulis generasi muda kini kerana dengan mengetahui akar umbi, ia boleh dijadikan panduan, sekali gus membantu

MUHAMAD LUFTI memberikan ceramah kepada peserta Minggu Penulis Remaja 2012 di Port Dickson, baru-baru ini.



Program MPR kali ini menjadi lebih menarik jika DBP menjemput penggiat seni serba boleh daripada pelbagai bidang termasuk dunia hiburan dan perfileman seperti Sabri Yunus dan Ramli Sarip bagi memperlihatkan penulisan dalam perspektif yang lebih besar 99

Muhammad Lufti Ishak
Fasilitator MPR 2012

dalam penghasilan karya bermutu," katanya.

Ketua Fasilitator yang juga Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Shamsudin Othman, berusaha melebarkan capaian MPR apabila turut memilih peserta dari pelbagai kaum dan negeri termasuk Sabah.

Bahagian Pengembangan Kesusteraan Kanak-kanak dan Remaja DBP akan mengadakan acara besar-besaran membabitkan kesemua mantan MPR menerusi program Perhimpunan Alumni MPR yang dijadualkan berlangsung pada November ini.

Malah, sastera turut dimaklumkan, himpunan karya mantan MPR bagi 2010 hingga 2012 sedang rancak dikumpulkan dan akan diterbitkan serta dilancarkan pada acara berprestij terbabit sekiranya segala perancangan berjalan lancar.

Acara ini menjadi kekuatan MPR untuk terus dikenang dan dijulang sebagai program ilmiah yang menjadi medan bakat baru mencanai kreativiti, mempertajam persepsi dan sensitiviti mereka dalam bidang penulisan serta berkemungkinan melahirkan lebih ramai pengarang berwibawa.



MUHAMAD LUTFI memberikan ceramah kepada peserta Minggu Penulis Remaja 2012 di Port Dickson, baru-baru ini.



Hasrat kami adalah untuk memperkenalkan asas kesusteraan Melayu yang dilihat begitu tumpul dalam kalangan penulis generasi muda kini kerana dengan mengetahui akar umbi, ia boleh dijadikan panduan, sekali gus membantu dalam penghasilan karya bermutu 99

Salina Ibrahim
Fasilitator MPR 2012



Penubuhan Kelab Alumni MPR umpamanya berjaya mengumpulkan mantan peserta MPR membantu memberi sokongan moral dan cadangan bernalas, malahan setiap tahun DBP turut menjemput mereka yang serius berkarya menjadi fasilitator 99

Sallehuddin Abang Shokeran
Pengarah Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera DBP